

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI
PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT**

DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2

PADA HARI SELASA, 5 JUN 2012

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN
KUALA LUMPUR**

SELASA, 5 JUN 2012

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir:

YB. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin
[*Menteri Pengajian Tinggi*] - *Pengerusi*

YB. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]

YB. Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]

YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]

YB. Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]

YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]:

YB. Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]

URUS SETIA

Encik Che Seman Pa Chik [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)]

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha
(Perundangan dan Prosiding)]

Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I
(Perundangan dan Prosiding)]

Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Parlimen Malaysia

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

Kementerian Pengajian Tinggi

Profesor Dr. Badrulhisham bin Abdul Aziz [Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Pahang]

Encik Raja Adnan bin Raja Ibrahim [Ketua Penolong Setiausaha
(Bahagian Perancangan dan Penyelidikan)]

Encik Muhammad Ridhwan bin Mat Salleh [Pegawai Khas Yang Berhormat Menteri]

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Dr. Tan Beng Hoe [Ketua Penolong Setiausaha,
Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

(samb/-)

HADIR BERSAMA (samb/-)**Jabatan Alam Sekitar**

Puan Halimah Hassan [Ketua Pengarah]

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim [Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan)]

Puan Rohimah binti Ayub [Ketua Penolong Pengarah Negeri Pahang]

Puan Norlin binti Jaafar [Pengarah Bahagian Penilaian]

Puan Norhayati binti Mohamad Yusof [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penilaian]

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Encik Abang Othman bin Abang Yusof [Timbalan Setiausaha Bahagian Industri]

Puan Norliza Zulkafli [Penolong Setiausaha Industri]

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

YBhg. YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan [Ketua Pengarah]

Encik Hasmadi Hassan [Pengarah Perlesenan Tenaga Atom]

Puan Monalija Kostor [Timbalan Pengarah Dasar, Kod dan Standard]

Cik Nazuha binti Mohd Jai [Pegawai Undang-undang]

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

YBhg. Dato' Abd. Majid bin Kutiran [Pengarah Kanan Bahagian Dasar,
Sektoral dan Hal Ehwal Pelaburan]

Puan Mastura binti Ahmad Mustafa [Pengarah Bahagian Dasar,
Sektoral dan Hal Ehwal Pelaburan, Seksyen Dasar Sektoral II]

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Puan Kang Lay Kim [Pengarah Kanan Industri Bersumber]

Cik Chai Siew Foon [Pengarah Bahagian Industri Tekstil dan Mineral Bukan Logam]

Encik Yeoh Hock Eng [Pengarah Bahagian Industri Kimia]

Puan Masni Muhammad [Timbalan Pengarah Bahagian Industri Kimia]

Puan Normi Alias [Timbalan Pengarah Bahagian Logistik dan Operasi Serantau]

Jabatan Kerajaan Tempatan

Encik Tan Lai Seng [Timbalan Ketua Pengarah]

Kementerian Kesihatan

Dr. Daud Abdul Rahim [Ketua Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar]

Dr. Ahmad Riadz bin Mazeli [Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Kesihatan Pekerjaan]

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Encik Abdul Aziz bin Yahya [Pengarah Bahagian Keselamatan Industri]

Kementerian Kewangan

Encik Mohammad Khairul Nazri bin Ghazali [Ketua Penolong Setiausaha (Belanjawan)]

SAKSI**United Nation Institute of Global Health**

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim [Pensyarah Kesihatan Persekitaran, Institut
Antarabangsa Berkaitan Kesihatan Global]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 2, Parlimen Malaysia****SELASA, 5 JUN 2012****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.35 pagi.**

[Yang Berhormat Dato' Seri Khaled bin Nordin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai LAMP, Yang Berbahagia Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas, Datuk Roosme, wakil-wakil daripada kementerian dan agensi kerajaan, pegawai-pegawai Parlimen, tuan-tuan dan puan-puan. Saya ucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran kita semua dalam Mesyuarat kita yang diadakan pada hari ini.

Saya difahamkan bahawa walaupun ditangguhkan pada petang semalam tetapi pegawai-pegawai dan wakil-wakil dari kementerian dan agensi telah meneruskan mesyuarat untuk menyiapkan laporan untuk hari ini sehingga ke larut malam dan pada hari ini kita akan meneruskan untuk lihat apakah yang telah kita perbaiki semalam dan jika ada apa-apa penambahbaikan yang perlu dilakukan. Mungkin kita boleh segerakan mesyuarat sebelum kemudiannya di peringkat sekretariat untuk meneruskan kerja-kerja dengan kementerian dan agensi.

Hari ini mesyuarat kita terbahagi dua. Pertamanya kita akan mendengar penyampaian, pandangan daripada Profesor Dr. Jamal Hisham Hashim iaitu Profesor daripada *United Nation Institute for Global Health* yang akan memberikan pandangannya dari sudut *public health* dan kemudian baru kita akan meneruskan mesyuarat kita. Jadi saya kira kita boleh jemput Profesor Dr. Jamal. Ini adalah boleh dianggap sebagai perbincangan umum, *public*, pendengaran awam untuk dia sebab tempoh hari memang kita ada buat keputusan mana-mana yang kita rasa patut dipanggil kerana mempunyai pandangan yang berbeza mengenai soal ini.

[Saksi - Profesor Dr. Jamal Hisham Hashim mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

10.37 pg.

Tuan Pengerusi: Silakan Prof. Pertamanya bagi pihak jawatankuasa, kita mengalu-alukan kehadiran Profesor pada pagi ini.

Professor ingin menyampaikan dan memberi pandangan, syor dan juga cadangan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Lynas. Saya percaya Profesor sedia maklum mengenai kewujudan Jawatankuasa ini tujuannya ialah untuk meneliti isu-isu yang dibangkitkan dan melihat daripada aspek keselamatan bagi projek ini. Saya berharap masa yang diberikan kepada Profesor mungkin dalam 20 minit dapat dimulakan dengan menyatakan mengenai latar belakang dan *credentials* dan kemudian mengenai pandangan mengenai projek ini dan apakah yang hendak disampaikan kepada pihak jawatankuasa. So, jemput, sila.

10.39 pg.

Profesor Dr. Jamal Hisham bin Hashim [Pensyarah Kesihatan Persekitaran Institut Antarabangsa Berkaitan Kesihatan Global]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Nama saya Jamal Hisham. Saya seorang Profesor dalam bidang kesihatan persekitaran atau *environment health*. Sebelum ini saya bertugas di Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sekarang ini saya dipinjamkan ke *United Nations University, International Institute for Global Health* yang bertempat di Malaysia juga.

■1040

Jadi sebenarnya saya dapat jemputan ini minggu lepas. Jadi saya pun tidak dimaklumkan secara terperinci bahawa saya diperlukan mengemukakan syor dan cadangan terhadap projek Lynas ini. Akan tetapi sememangnya sebelum ini saya mengikuti perkembangan projek ini dan juga telah pun berkesempatan untuk berjumpa dan berbincang dengan pihak-pihak tertentu termasuk Jabatan Alam Sekitar, AELB, pihak Lynas sendiri melalui Dr. Ismail Bahari dan juga perunding yang melakukan Kajian EIA iaitu *environment*.

Pada awalnya saya meneliti dokumen-dokumen EIA yang telah disediakan, juga dokumen asal RIA. Akan tetapi saya difahamkan selepas itu ada juga dokumen-dokumen lain yang telah disediakan dan disiapkan. Yang itu saya belum berkesempatan untuk menilai ataupun melihatnya dan juga cadangan daripada IAEA. *Reservation* ataupun keraguan yang timbul bagi pihak saya asalnya ialah pada pandangan saya tiada satu penilaian kesan kesihatan atau *health impact assessments* yang telah disediakan untuk melihat secara terperinci mengenai impak kepada kesihatan masyarakat yang kita katakan berisiko, *publican at risk* iaitu mereka yang mendiami mungkin sekitar tiga kilometer daripada projek berkenaan.

Walaupun... [Disampuk] Ya? Tiga kilometerlah, saya rasa Taman Baluk Perdana dan sebagainya. Walaupun kita akui ada EIA dan RIA yang telah disediakan dan RIA yang disediakan juga melihat impak radiasi ke atas kesihatan manusia, tetapi dari perbincangan saya dengan pihak *environment*, timbul persoalan mungkin ada juga *hazard-hazard* lain yang berkaitan dengan projek berkenaan yang belum dilihat.

Contohnya logamlah, *heavy metal* dan juga *rare earth element* itu sendiri. Walaupun pada dasarnya saya rasa ramai berpendapat bahawa *rare earth element* ini tidak toksik tetapi daripada penilaian yang saya lihat, sebenarnya *rare earth element* ini belum dinilai dari segi toksikologinya sebab ini bahan yang baru bukan? Jadi kemungkinan data-data mengenai *rare earth element* ini belum dinilai secara terperinci lagi. Jadi sebenarnya kita tidak tahulah. Metal-metal lain, logam-logam lain yang mungkin terlepas ataupun dilepaskan ke udara melalui proses *roasting* dan sebagainya. Suhu yang digunakan itu cukup tinggi untuk melepaskan bahan-bahan logam tertentu dan ini tidak dinilai sama ada dalam EIA mahupun dalam RIA sebab RIA ini hanya untuk menilai impak dari segi radiasi sahaja.

Kebiasaannya untuk projek-projek yang saya pernah terlibat sama ada sebagai konsultan ataupun sebagai pakar penilai untuk EIA, *Health Impact Assessment* itu dilakukan bersama dengan proses EIA iaitu di dalam EIA. Akan tetapi kes Lynas ini mungkin unik kerana ia melibatkan bahan radio aktif. Jadi HIA tidak dilakukan kerana adanya satu proses lain yang dinamakan RIA. Jadi RIA seharusnya menilai bukan sahaja dari segi *Radiological Impact Assessment* tetapi juga *Health Impact Assessment*. Saya akui ia dilakukan secara dalam aspek-aspek tertentu. Akan tetapi saya juga difahamkan oleh AELB bahawa RIA ini *as a living document*. Maknanya akan diupdatekan, akan diperbaharui dari masa ke semasa. Maka ada aspek-aspek tertentu yang mungkin saya silap, mungkin saya tidak ada maklumat terperinci. Akan tetapi mungkin ada aspek-aspek tertentu seperti pelupusan sisa yang belum dinilai sehinggalah sampai kepada peringkat untuk pelupusan itu berlaku. Jadi saya cuba juga mendapatkan penjelasan bagaimana sisa ini akan dilupuskan. Apa yang maklumat saya dapat daripada Lynas ialah ada tiga pilihan.

Pertama untuk *recycle*, mengguna semula. Jadi saya juga tanya kalau bahan itu diklasifikasikan sebagai radioaktif, bagaimana kita hendak *recycle*? So, mengikut wakil Lynaslah. Ini maksud saya bila saya sebut Lynas ini, Dr. Ismail Baharilah yang datang berjumpa dengan saya. Katanya ada peruntukan untuk kita mendilute, dialusi untuk mengurangkan lagi enam *becquerel per gram* itu kepada one *becquerel per gram* dengan mencampurkan. Jadi ini mengikutnya ada peruntukan di bawah *Atomic Agency Licensing Act*. Saya tidak membantah tetapi dari fahaman saya mungkin pihak Jabatan Alam Sekitar yang ada di sini pun boleh memberi penjelasan. Akan tetapi kalau dari segi alam sekitar, ini agak di luar kebiasaanlah untuk kita mendialusi.

Saya tanyakan kenapa bahan ini tidak mungkin dikategorikan sebagai bahan terjadual atau *schedule waste*. Kalau ia dikategorikan sebagai bahan terjadual, ia perlulah dilupuskan di premis yang dikhaskan seperti Kuliti Alam di Bukit Nanas. Mereka mengatakan bahawa mereka rasa ia boleh mendapat kelulusanlah.

Sebenarnya ini hanya boleh berlaku jika bahan buangan itu diluluskan dari segi ciri-ciri tertentu. Salah satu daripadanya ialah ujian *Toxicity Characteristic Leachate Potential (TCLP)*.

■1050

Akan tetapi ini belum boleh dilakukan sebab kita belum ada bahan terjadual itu lagi ataupun belum ada sisa yang akan dihasilkan. Okey, jadi itu satu pertanyaan sama ada sisa yang dihasilkan itu akan disenaraikan sebagai bahan terjadual ataupun tidak, okey. Saya ingin cadangkanlah. Jadi *option* yang kedua itu ialah pelupusan *the permanent disposal facility* dan ketiga dieksport keluar ataupun dihantar balik kepada *place of origin*.

Pada pandangan saya daripada pengalaman terlibat dalam EIA, saya rasa *option* itu perlu dibuat sekarang berdasarkan kepada *option* yang menimbulkan risiko yang terendah kepada mereka yang terlibat dan penilaian dibuat ke atas *option* tersebut. Contohnya *option* untuk *recycle* bahan tersebut saya rasa ini bukan sahaja menimbulkan masalah tetapi keraguan sebab saya kata kenapa *you* hendak *extend the risk further*. Sekarang ini kekusaran yang timbul ini di kalangan masyarakat setempat. Kalau *you recycle* itu maknanya *you are spreading the waste further* dan ini akan menimbulkan lagi banyak bantahan, keraguan dan ketidaksetujuan di kalangan bukan sahaja masyarakat setempat tapi *population that last* tetapi mengikut mereka *you know we will deal with this situation when the time arise*. So, saya rasa itu *maybe* dari segi perundangan memang ada peruntukan tersebut tetapi kalau kita lihat daripada apa yang berlaku sekarang ini mengenai protes dan sebagainya saya rasa mereka tidak mungkin terima *approach*.

Jadi kesimpulannya saya rasa mungkin lebih elok kalau saya menjawab soalan kemudian. Kesimpulannya saya rasa, mungkin *approach* kita itu tidak begitu menyenangkan kepada pihak-pihak tertentu. Kita ada dua proses EIA dan RIA yang berlaku berasingan. Walaupun ini memang mengikut peruntukan perundangan yang sedia ada jadi tidak ada kesalahan di situ tetapi mungkin ia tidak dapat *satisfy* ataupun dapat memberi keterangan yang secukupnya kepada pihak yang menimbulkan keraguan itu dan ada aspek-aspek tertentu dari segi kesihatan yang mungkin tertinggal dan ini menimbulkan banyak persoalan. Jadi saya rasa kalau masyarakat ragu dan masyarakat khawatir dan tidak pasti tentang penilaian sebenarnya, mereka akan buat kesimpulan sendiri seperti apa yang berlaku dan *we have different version of the truth*.

Mereka pun kata apa yang dibentangkan berdasarkan kepada fakta-fakta yang diperolehi daripada sumber-sumber tertentu adalah sahih. Jadi kita tidak boleh juga menolak anggapan bahawa bahan tersebut mungkin menimbulkan kesihatan. Di sebaliknya pihak-pihak *regulatory* seperti DEO dan AELB juga ada hujah-hujah mereka yang juga disokong oleh perundangan dan sebagainya.

Jadi saya ingat setakat itu dahulu penerangan saya. Jadi kalau mungkin ada persoalan boleh saya jawab secara lebih tepat dan terperinci. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Mungkin saya boleh mulakan. Tumpuan Prof lebih tadi kepada soal *the wastes disposal*. Soalnya ialah *is there really a risk of that waste disposal* khususnya dalam soal pendekatan *recycling* ataupun *there is about, there is such a risk?* Yang mana satu sebenarnya. *Are you sure that there is a risk or* timbulnya keraguan bahawa kalau kita gunakan *recycling* benda itu ada risiko? *Then* dekat sini pun ada daripada agensi kerajaan, daripada universiti mereka pun mungkin boleh selain daripada menyoal mungkin boleh juga memberi penjelasan pandangan mereka.

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Okey, pertama sekali dari segi *hazard* yang dimaksudkan di sini ialah bahan radioaktif. Yang utamanya ialah uranium dan torium dalam *waste* itu tetapi ada juga DK produk seperti radon, radium dan sebagainya. DK produk yang mungkin juga boleh *berhazardous* lebih membimbangkan daripada yang *parent material* tadi. Mengikut *National Academy of Science* satu laporan yang dipanggil *Biological Exposure to Ionizing Radiation* (BEIR) mereka mengatakan secara *consensusnya* tidak boleh ditentukan *threshold* untuk kesan daripada bahan radioaktif. Tidak ada *threshold* ini bermakna tidak ada nilai had ambang. Ini terpakai bukan sahaja untuk *radiation* tetapi juga untuk bahan-bahan karsinogen yang lain seperti juga logam termasuk cranium, arsenik, nikel dan sebagainya yang mungkin juga terhasil daripada proses ini sebab kita menggunakan bahan tanah.

Jadi sememangnya ada tidak banyak, sedikit dalam bahan *raw material* itu. Kenapa tiada *threshold* kerana para saintis tidak boleh bersetuju ataupun mempunyai kata sepakat bahawa adanya *threshold* ataupun adanya nilai di mana tidak ada kesan kesihatan akan berlaku. Jadi mereka mengambil langkah ataupun *approach* bahawa *ionizing radiation* ini bersifat dari segi dos responsnya bersifat *linear non threshold*. Maknanya apa jua *level* yang kita didedahkan berkemungkinan untuk - tidak semestinya menyebabkan kanser tapi berkemungkinan, *probability to causing cancer*.

Jadi bila kita menilai bahan-bahan ataupun *hazard* yang berpotensi untuk menyebabkan kanser, kita tidak menggunakan nilai *threshold* tapi kita menggunakan apa yang kita panggil *acceptable risk* ataupun mahkamah di US terminologinya ialah *tolerable risk* ataupun *de minimis risk*, risiko yang begitu rendah kita tidak perlu gusarlah ataupun khuatir kerana ianya terlalu rendah. Jadi apakah *acceptable risk* yang boleh kita guna pakai. Saya dan pihak Jabatan Alam Sekitar memang sedia maklum tentang ini dan kita pernah mencadangkan *acceptable risk* yang kita guna pakai ini berlaku dalam satu julat. Kita panggil *acceptable risk range* di antara satu dalam satu juta hingga satu dalam 10,000.

Maknanya kalau kita dedahkan sejuta masyarakat atau populasi kepada risiko ini, kemungkinan hanya seorang sahaja akan mendapat kanser dalam tempoh jangka hayat ataupun *lifetime exposure* selama lebih kurang 70 tahun. Jadi itu kita kata *acceptable*. Kenapa tidak boleh *zero* sebab tidak ada *threshold* yang boleh kita definisikan. Yang kita guna pakai untuk risiko radiasi ialah nilai satu *millisievert* untuk orang awam dan 20 *millisievert* untuk pekerja. Jadi saya pun kurang arif tentang nilai satu *millisievert* ini. Jadi saya memang ada buat *personel consultation* dengan pihak di Amerika, kawan-kawan saya di Amerika.

■1100

Jadi, pandangan daripada beliau, seorang bekas Dekan Fakulti Kesihatan Masyarakat di *University of Pittsburgh*, dia kata memang berlaku perbezaan pendapat di antara *regulatory agency* yang mengendalikan alam sekitar dengan *regulatory agency* yang mengendalikan bahan radioaktif. Sebab apa, 1 *millisievert per year* pendedahan mungkin melibatkan risiko yang sedikit tinggi berbanding dengan *acceptable risk range* tadi. Ini berdasarkan kepada, saya ingat *approach* ini diambil oleh pihak yang mengendalikan radiasi kerana *baseline, background level* radiasi ini sememangnya tinggilah.

Jadi, berbalik kepada persoalan tadi, *waste* yang akan kita hasilkan itu saya rasa kita tidak boleh tolak bulat-bulat mengatakan yang ia tidak berisiko berdasarkan kepada *argument* yang disebutkan tadi kerana kalau kita tolak bulat-bulat, pihak yang menentang akan mengutarakan maklumat-maklumat ini yang saya rasa sukarlah untuk kita ketepikan sebab dia bukan datang kepada sumber-sumber yang tidak dipercayai, *International Academy of Science, United States* dan dokumennya juga baru lagi, 2006.

Cuma yang kita boleh pertahankan ialah risikonya adalah risiko yang jatuh ke dalam *acceptable risk range* tadi. Walaupun ini bukan sesuatu yang telah diguna pakai secara meluaslah dan ini perlu dilihat sekaranglah saya rasa. Kenapa kita mesti tunggu sehingga proses itu berlaku. Saya tahulah perlu ada *pilot testing* dan sebagainya untuk menghasilkan *waste* itu dan *waste* itu boleh dinilai dari keradioaktifannya dan sebagainya, tetapi saya rasa walaupun ini merupakan loji pertama di Malaysia tetapi loji seumpamanya ataupun yang hampir serupa dengannya telah pun berlaku yang kita tahu di China dan sebagainya. Jadi, kita boleh ambil hasil ataupun tengok apa yang dihasilkan di situ dan buat *assumption*lah.

Jadi bila kita buat EIA ataupun kita buat *health impact assessment* ini memang kita buat *assumption* dan itu dinilai supaya keputusan yang kita buat ini ialah *an informed decision making* dan boleh dipertahankan jika ada persoalan-persoalan yang timbul daripada pihak yang tidak bersetuju dengan keputusan tersebut. Itu pandangan saya.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Tuan Pengerusi, Prof., saya hendak tanya, *just to doubly sure*lah.

Tadi Prof. kata yang *rare earth* ini dia belum lagi ada *tested to show whether it has radioactive* ke tidak, kan. *That means we have to do some testing* dahulu. Jadi, kalau kita hendak buat *testing* dahulu, *what would be your opinion* dalam kita membenarkan Lynas ini beroperasi dengan cara yang lebih *regulated industry* di Malaysia ini supaya kita dapat menangani masalah-masalah yang banyak diajukan kepada kita *whereas* sebelum ini kita telah dengar banyak pendapat daripada *experts* juga *who even claimed that opinions from US* itu *are the jokers*. *That's not from me, Prof. Sorry, I'm just quoting*.

Jadi, kita mendengar banyak *opinion from their own experts on this*. Jadi, *what would be your advice to us in the sense that since you are experienced in the environmental consultancy matters. Perhaps you can assist us, give us. We hope you are saying is acceptable risk in some cases they told us about risk. So, in this situation, what is your opinion on this? We have heard from you* tetapi itu *from what I gathered* keadaannya begini, begini, jadi *there is no straight kind of opinion for us to really rely on. Maybe for the others but not me as a non technical person I would like to hear more, so that I can help to explain to those who are just like me, a layman. Thank you*.

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Kalau Yang Berhormat hendak minta kata putus daripada saya, memang saya tidak bolehlah. Maknanya saya tidak tahu. *I mean I boleh say that I'm not sure, you know and my stand is still the same. I'm not sure whether this project is totally safe or unsafe* sebab mungkin maklumat itu belum sampai kepada saya dan saya pun tidak pernah terlibat secara formal. Jadi, sememangnya bukan tugas rasmi sayalah untuk menilai projek Lynas ini tetapi sebab saya memang dalam bidang kesihatan persekitaran, jadi hendak tidak hendak saya terpaksa ambil tahu jugalah. Jadi, banyak dokumen yang tidak ada pada saya. Yang ada pun saya minta daripada EALB, RIA, IAEA itu daripada DOE dan sebagainya. Jadi saya buat penilaian saya sendirilah.

Namun saya pun kuarir juga untuk memberi satu ketetapan sama ada saya menyokong atau tidak sebab macam saya katakan tadilah, saya belum melihat *health impact assessment*. Sebenarnya *health impact assessment* ini kalau hendak buat bukan kita perlu *start* daripada *zero* sebab maklumat itu sudah ada. Sekarang ini maklumat terlalu banyak dan dalam versi yang pelbagai. Jadi, saya juga difahamkan RIA pun ada *version one, two, three* dan sebagainya. Jadi, macam mana saya hendak tahu sama ada keseluruhannya projek ini boleh dibenarkan untuk berjalan atau tidak. Kalau dalam EIA, bukan saya hendak pujilah pasal EIA tetapi ia satu DOE itu sebagai satu *one-stop agency* dan semuanya diselesaikan di situlah dan ia ada juga proses untuk *public involvement, committee involvement*. NGO pun boleh datang ke mesyuarat itu..., WWF kah, CAP kah dan sebagainya boleh datang untuk memberi pandangan mereka.

Jadi semuanya *on the table*. Jadi kita tahu. Kalau ada yang kurang, kita akan minta pihak konsultan untuk mengemukakan maklumat tambahan. Jadi, dalam satu *seating* kita dapat menilai termasuklah impak kepada alam sekitar, impak kepada binatang, impak kepada air, udara dan akhir sekali kepada kesihatan. Jadi, saya tidak nampaklah proses itu berlaku lagi. Mungkin ini satu *lesson learned*lah bagi kita. Saya tidak tahu macam mana proses tetapi EIA yang kita ada itu pun *preliminary EIA* dan bukannya *detail EIA* dan sememangnya tidak ada *health impact assessment*. Walaupun sebenarnya *preliminary EIA* pun boleh ada *health impact assessment* sebab saya pun pernah terlibat dalam HIA untuk *preliminary EIA*.

Tentang *rare earth element* itu, saya rasa yang itu kita boleh letak ke tepi dahulu, sebab apa memang kalau saya tengok dalam *website* ataupun maklumat daripada US CPA memang tidak ada, tetapi *cautionary statement* yang saya buat tadi itu *just because there is no information on rare earth element, we should not dismiss that it is not hazardous*.

■1110

Akan tetapi saintifik data tidak ada, belum ada untuk kita menilai *rare earth element* tetapi dalam kita mengendalikan bahan-bahan yang mengandungi *rare earth element* kita harus mengambil langkah untuk *minimize exposure*. Ini kerana risiko ini adalah cantuman daripada dua aspek *hazard* dan *exposure*. *Hazard* dan *exposure* membawa kepada risiko. Kita boleh ada *hazard* itu tetapi kita *minimize exposure* ya so kalau kita *minimize exposure* tidak akan berlaku risiko atau *impact* kesihatanlah. Jadi itu langkah-langkah yang kita boleh ambil. Saya rasa tidak ada masalahnya cuma mungkin melibatkan kos yang lebih tinggi bagi pihak pemaju.

Rare earth element yang diguna dalam produk-produk itu tidak ada masalah sebab *exposure*nya rendah walaupun dalam komputer dan sebagainya itu dia terkawal. Orang, penggunaanya tidak terdedah secara langsung so tidak ada masalah di situ. Akan tetapi sisa tadi itu yang itu perlu kita lihat secara terperinci bagaimana kita hendak melupuskan sisa itu. Saya ingat kenapa kita tidak buat keputusan sahaja ini opsyen yang akan kita guna pakai *permanent disposal facility*. Sama ada hendak guna macam di Bukit Nanas kualiti alam itu dia ada *secure landfill* bukan *landfill* biasalah, *secured landfill*. Akan tetapi kosnya tinggilah rasa sayalah saya pun tidak tahu.

Jadi ini kalau kita mengambil opsyen ini kita menilai risikonya terutamanya kepada kesihatan secara terperinci, secara kuantitatif dan *probability* kebarangkalian berlakunya kanser di kalangan mereka yang terdedah. Selalunya kita mengambil *worst case scenariol*ah sebab apa dalam kita mengendalikan sesuatu *facility* ini mungkin berlaku keadaan luar biasa.

Jadi kalau kita buat *modeling* ataupun *assessment* dalam EIA ini kita buat normal *operation* dengan abnormal *operation*. Abnormal *operation* itu macam apa yang berlaku di Chernobyl dan sebagainya tetapi ini kita bukan berbincang tentang nuklear *power* pelan inikan? Akan tetapi kita lihat selalu kalau kita buat EIA itu bila abnormal *operation* ini akan melibat risiko yang luar biasa sehingga boleh menyebabkan *fertility*.

Akan tetapi kita tanya balik kepada pihak yang mengendalikan *facility* itu. Kalau ini berlaku bolehkah anda memberhentikan operasi dan boleh memberhentikan operasi dalam tempoh mungkin setengah jam. Kalau dia kata automatik *shut down* boleh berhenti dalam setengah jam kita rasa legalah, sebab dia punya pelepasan itu memang luar biasa dan terlalu mencurigakan. Jadi standard yang sama juga kita guna pakailah jika misalnya berlaku perkara luar biasa dan *waste* yang mengandungi uranium dan torium ini terlepas ke dalam Sungai Balok dan sebagainya. Macam mana kita hendak *recover* balik dan sebagainya? Itu yang inilah.

Jadi bukan maknanya proses ini akan berlaku tetapi mungkin berlaku. So senario ini yang kita guna pakai dalam penilaian *simulation* dan sebagainya. Ini harus dan satu lagi ini memerlukan kepakaran yang pelbagai. Misalnya kalau saya buat *health impact assessment* saya tidak boleh buat *air quality modeling*, saya tidak boleh buat *water quality modeling*. So saya bekerjasama dengan *air quality modeler* dan *water quality modeler* untuk melihat, untuk mereka menghasilkan data-data yang tepat bagi kegunaan saya. So, contohnya kalau *air quality modeler* itu dia buat *modeling* untuk *pollution* itu pergi ke kawasan hutan simpan saya kata, "Hendak buat apa pergi hutan simpan?" Kita hendak *you model* kepada kampung, Taman Balok Perdana dan sebagainya. Di situ ada masyarakat.

Ini kerana tadi *hazard*, *exposure* dan risiko. Itu yang perlu kita buatlah bagi sayalah. Maklumat itu saya rasa kebanyakannya sudah ada tetapi perlu di olah dalam bentuk yang boleh membolehkan kita menilai *impact* kesihatan itu dan membuat keputusan yang bijaklah. Itu pandangan sayalah tetapi sama ada projek ini berisiko atau tidak memang saya tidak dapat jawablah.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tuan Pengerusi, Profesor saya percaya semua industri mempunyai risiko, *but the case Lynas* yang menjadi kerisauan *public* ialah tentang radio aktiviti. Kami sebenarnya dimaklumkan oleh beberapa orang pakar dan juga pihak Lynas bahawa sisa yang radioaktif ini ialah yang mengandungi torium lebih kurang 0.16%. Ia sebenarnya dia *admit alpha particle*. *Alpha particle* makna bukan beta ataupun gama dan sebenarnya *energy level more 2.5 cm*. Ianya juga tidak akan *penetrate* ke skin, *human skin*, kulit ya. Kami juga dimaklumkan bahawa *waste case scenario radiation* cuma adalah 0.002 mSv *per year*. Kalau seseorang berdiri di tepi pagar dan kita hendak ambil bacaan *radiation is almost zero*. Jadi berdasarkan fakta-fakta begini adakah Profesor berpuas hati dengan penjelasan sebegini? Terima kasih.

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Okey pertama sekali kena akui saya bukan pakar dalam bidang kesan radioaktif dan pengalaman saya dalam melakukan HIA sebelum ini tidak melibatkan penilaian ke atas bahan radioaktif tetapi saya ada buat bacaan-bacaan tertentulah. Memang *alpha* dan beta itu jenis *particle* bandingkan dengan *X-ray gama* dan sebagainya. Ia boleh dihentikan walaupun *is a fast traveling particle* boleh dihentikan dengan sehelai kertas pun. Jadi baju kita pun boleh melindungi kita daripada *alpha particle* ini. Akan tetapi yang saya beri bacaan saya ini *theoretical*lah bukannya praktikal. Dari segi bacaan saya *alpha particle* ini mungkin juga dihasilkan *I stand connected*lah, mungkin dihasilkan oleh juga *radon* salah satu daripada DK produk. *Radon* ini boleh dihidulah di *inhaleskan*. Daripada fahaman saya *alpha particle* ini jenis *high Linear Energy Transfer (LET)*. Ini kerana dia tidak boleh *penetrate* tisu badan jadi bila dia bertemu dengan sel atau tisu badan ini dia akan disepit *energy* itu secara keseluruhannya kepada tisu tersebut.

Jadi ada baiknya juga dan ada buruknya jugalah. Baiknya kalau dia di luar badan kita dia akan dapat dihentikan dengan begitu mudah sekali tetapi kalau dia masuk ke dalam sistem paru-paru kita. Ini kerana *particle* saiznya begitu kecil, paru-paru kita ini pun ada banyak *compartment* termasuklah yang paling dalam sekali iaitu *alveolar regent* tempat gas *exchange* dan sebagainya. Jadi kalau itu berlaku kita tahulah macam mana *radon exposure to radon* di US banyak menyebabkan *lung cancer* disebabkan oleh *penetration*. Saya ada terbacalah.

■1120

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Berapa banyak yang kena hidu itu untuk menyebabkan kanser itu?

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Itu penilaian itu terpaksa dibuatlah, saya pun tidak tahu.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Ada yang kata sampai 70 kilogram kah apa?

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Ya, itu saya tidak pasti, itu...

Dato' Zulkifli bin Noordin: Maknanya *almost impossible* daripada apa yang kami sudah dengar, tahap hidu itu *you* kena sedut terlampau banyak *is almost impossible to cause cancer*.

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Ya.

Dato' Zulkifli bin Noordin: So apa pandangan profesor?

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Seperti yang saya katakan tadilah, maknanya kalau kita ambil pendekatan bahawa bahan radioaktif itu tadi tidak ada *threshold*, maknanya apa juga *level* yang kita gunakan boleh dikaitkan dengan risiko tertentu tetapi pengiraan boleh dibuat, ada *cancer potential factor*.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Akan tetapi pandangan yang diberi, tahap hidu itu mesti terlalu tinggi sampai ke kadar yang hampir-hampir mustahil, mungkin saya silap tetapi *please correct me*, saya ingat 70 kilogram ke apa *you* kena sedut sekali...

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: *Not so*. Tidak akan sampai 30 kilogram.

Dato' Zulkifli bin Noordin: ...Baru boleh tetapi apa pendapat profesor dan berapa banyak yang *you* kena hidu partikel alfa ini...

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Sekarang ini ...

Dato' Zulkifli bin Noordin: ...Boleh *cause cancer*?

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Sekarang ini saya tidak boleh memberikan jawapan, tetapi saya tahu yang pengiraan boleh dibuat sebanyak mana yang dan apakah risiko – sebab kita tahu kadar pernafasan manusia ini, satu kali hidu itu satu liter, setiap empat minit kita bernafas satu liter.

Jadi kalau kita kira dalam satu liter itu apakah kemungkinan bahan partikel ini, berapa *becquerel* dan sebagainya dan ada kanser *coefficient* yang boleh digunakan. Maksudnya kalau kita bagi satu angka yang 70 kilogram kita hidu tidak boleh menyebabkan kanser, saya ingat orang awam pun susah hendak percaya kan.

Tuan Liang Teck Meng: Yang Berhormat Profesor...

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: ...Apatah lagi...

Tuan Liang Teck Meng: Ini mengenai *threshold* yang profesor kata *one millisievert per year*, ada yang kata selamat dan ada yang kata ia berbahaya. Akan tetapi di dalam kes Lynas ini, kami dimaklumkan *worst case scenario* adalah *0.002 millisievert, at least 500 times below Malaysia standard value*. Jadi adakah ia bermakna tahap risikonya bukan tidak ada tetapi sangat-sangat rendah? Adakah profesor bersetuju?

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Model yang digunakan itu saya tengok ia ada sembilan *pathways because* kita kata pelepasan daripada udara. Sekarang ini *waste* itu kita tidak tahu mungkin sudah ditetapkan saya tidak tahulah, di mana bahan *waste* itu akan dilupuskan dalam bentuk apa. Saya difahamkan mungkin saya salah yang *permanent waste* itu terbuka sebenarnya. Jadi sembilan *pathways* yang boleh berlaku dalam *model* ini termasuk juga *ecological, contamination*. Kalau mengikut *model* itu, *you* boleh *calculate* dalam ikan, daging, *milk*, susu dan sebagainya.

Jadi maksud saya bukannya kita berdiri di situ, *waste* di situ datang inilah – tetapi itu *worst case scenario*. Mungkin pengiraan itu tepat, saya tidak tahu sebab saya belum tengok lagi pengiraan itu, mungkin tepat. Jadi saya tidak menafikan bahawa Lynas itu boleh dioperasi dengan selamat. Saya tidak menafikan.

Akan tetapi kita kena tengok, maknanya sembilan *pathway* itu tadi dan ini perlu berdasarkan kepada senario sebenarnya di mana bahan itu akan dilupuskan dan *proximity*nya kepada masyarakat sama ada melalui udara, air ataupun tanah sebab contohnya kalau kita mengatakan pelepasan – ini bukan radioaktif lagi, maknanya EIA yang biasa saya terlibat. Pelepasan ke dalam sungai, kita tengok sungai itu memang tidak berkemungkinan digunakan sebagai sumber air minum tetapi kita *still* tidak *dismiss exposure*, kita kira pula kalau budak itu bermain di dalam sungai tersebut, mandi, *swimming* dan sebagainya apakah kemungkinan akan berlaku pendedahan dan sebagainya. So, mungkin betul apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, mungkin betul saya tidak menafikannya tetapi penilaian ini harus mengambil kira semua bentuk *pathway*.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Profesor, *I want to ask question*. Profesor saya ada satu soalan untuk meminta penjelasan profesor, saya melihat dari segi seorang *layman* sahaja, tidak ada *technical background*. Tadi profesor ada menyentuh tentang *threshold safety* dan juga mengatakan bahawa *at this juncture* saintis ataupun pakar-pakar belum lagi bersependapat dalam hal ini.

Akan tetapi kita menerima bahawa di dalam segala aktiviti melibatkan risiko dan *the probability of risk it can be 19% or 18% by even 99.9%, up to 99.9%. So the safety I mean the probability of safety it can be 90%, it varies from 90% to 99.9%. I wonder there is 100% safety*. Profesor, jika mengikut kelaziman antarabangsa *or international good practice*, *what is the probability level do you think we can accept? Probability level of safety, we can accept* dari segi kepentingan umum. Boleh profesor memberikan penjelasan?

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Saya kurang pasti tentang itu, memang perdebatan ini memang berlaku semenjak tahun 70-an lagi di Amerika, *how safe is saved* ataupun *how clean is cleaned* dan sampai sekarang pun saya rasa belum ada ketentuan. Memang risiko ini kita tidak dapat lari daripada risiko, jika kita pergi mengambil satu *chest X-ray*, risikonya sudah mencapai satu *in a million, one chest X-ray. One chest X-ray is already one in a million. You smoke one and a half cigarette is already one in a million.*

So memang *one in a million* ini begitu *small*, itu yang kata *de minimise risk* itu. Akan tetapi kita tidak kawal smoking, kita tidak melarang orang menghisap rokok tetapi kita melarang orang menghisap rokok di kawasan awam sebab *if you live with a smoker for about two months you risk is already one million*. So, apabila kita berbincang tentang risiko ini ada satu lagi aspek yang belum saya sebutkan ialah *voluntary and involuntary risks*.

■1130

So, Lynas ini ataupun *any industrial operation*, terjatuh ke dalam kumpulan *involuntary risk*. Kepada siapa? Kepada masyarakat yang tinggal berhampiran *because the risk will be imposed upon them. It is not within their choice or decision*.

So, apabila *involuntary risk*, risiko yang boleh diterima, *acceptable risk* ini diturunkan pada tahap yang begitu rendah. Banyak yang mempersoalkan mengapa kita takut sangat tentang kanser sebab risiko untuk mendapat kanser, risiko untuk mendapat kanser di Malaysia ini, *Peninsular Malaysia*, ialah satu dalam tujuh, lebih kurang, seumur hidup. So, boleh *imagine* lah. Kalau ada tujuh orang, seorang itu akan mengalami kanser dalam jangka hayatnya. Dalam bilik ini pun sudah berapa orang dah. Akan tetapi ini kebanyakannya adalah risiko keseluruhannya. Kalau kita hendak tambah ke atas risiko ini, berapakah penambahan yang boleh kita benarkan. Saya cakap ini tetapi saya sendiri pun tidak ada jawapannya – berapa yang boleh kita benarkan.

Kalau risiko ini *voluntary risk*, macam pekerja kilang Lynas misalnya, kelonggaran itu boleh diberikan. Akan tetapi pihak Lynas wajiblah untuk memastikan risiko ini diminimumkan sebanyak yang mungkin. Risiko *involuntary risk* tadi, itulah yang saya sebutkan tadi, dicadangkan dalam julat *acceptable risk* tadi. Jadi, penilaian harus dibuat mengambil kira semua *possible pathway*. Kita perlu lihat *source pathway receptor*. *Receptor* itu manusia. *Sourcenya* itu operasi Lynas dan juga pelupusan sisanya. *Pathway* itu melalui udara, melalui sungai tadi ataupun *groundwater* kemudian masuk ke dalam sistem rantai makanan, *food chain* dan sebagainya. Ini sememangnya boleh dibuatlah melalui modeling dan sebagainya.

Tuan Teng Boon Soon: Ya, profesor. Tadi profesor ada kata dalam RIA Lynas itu, aspek HIA masih kekurangan. So, apakah cadangan profesor? Apa lagi yang perlu dibuat oleh Lynas dalam aspek HIA? Jadi, bagi seorang *layman*, *I think we right to know*.

Profesor Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Kalau boleh, kita hasilkan satu dokumen yang mengambil kira aspek-aspek EIA tadi. Dalam EIA ini ada *air quality modelling* tetapi tidak menghasilkan *heavy metal* dan sebagainya. Itu juga perlu diambil kira. Kemudian output daripada EIA itu diguna pakai untuk menilai *Radiological Impact Assessment* untuk bahan-bahan yang radioaktif. Untuk bahan-bahan yang tidak radioaktif juga dibuat penilaian yang menjurus pada *Health Impact Assessment*. Daripada RIA tadi, dibuat pemodelan, pelepasan ke udara, pelepasan ke dalam sungai, pelepasan ke dalam *groundwater* dan kemungkinan bahan-bahan radioaktif ini diambil oleh sistem ekologi dan memainkan *exposures* atau senario yang memungkinkan dan kemudian membawa pada *Health Impact Assessment*.

Jadi *Health Impact Assessment* daripada RIA dan *Health Impact Assessment* daripada bahan-bahan yang bukan radioaktif terutamanya bahan-bahan yang karsinogenik seperti arsenik, kadmium dan sebagainya. Mengapa saya mengatakan, mungkin ada berlakunya bahan-bahan karsinogenik yang bukan radioaktif kerana ini berdasarkan pada dokumen US-CPA yang saya ada memberikan satu *copy* kepada pihak DOE yang mempersoalkan.

la mengatakan *heavy metal* yang karsinogenik juga boleh berlaku dalam *rare earth industry*. Walaupun dia tengok *mining* tetapi juga *processing*. So, boleh berlakulah. Jadi, apa yang boleh berlaku, kita buat penilaian. Semua ini kita...

Tuan Teng Boon Soon: Ia berlaku di peringkat *mining* atau peringkat *processing*?

Profesor Dr. Jamal Hisham bin Hashim: *Mining* dan *processing*. Dokumen ini 2011, daripada US-CPA. So, semua ini diambil kira dan dibuat penilaian kemungkinan berlakunya *probability of cancer* berdasarkan *exposure scenario* yang pelbagai. Ini disatukan, *sum up* dan kita lihat sama ada risiko ini jatuh ke dalam julat yang kita katakan sebagai *acceptable* tadilah.

Daripada apa yang dimaklumkan kepada saya oleh Lynas, macam saya bersetujulah dengan Yang Berhormat kata tadi, kemungkinan risikonya rendah. Akan tetapi apakah bukti yang boleh kita bentangkan? Ada lah macam tadi kita kata jika seseorang itu berdiri di pagar Lynas dan sebagainya itu risikonya sudah rendah, jadi kalau dia duduk 3 kilometer tidak akan lebih tinggi, bukan? Akan tetapi masalahnya mungkin berlaku *pathways* yang lainlah. Tadi macam komputer, *modelling...*, itupun ada juga *milk*. *Milk* maknanya, mungkin tidak ada lah *dairy farming* di kawasan tersebut, tidak mengapalah. Tidak ada pun tidak mengapalah. Akan tetapi kalau ada, maknanya ia boleh disebarkan ke makananlah misalnya sayuran dan sebagainya. Akan tetapi mungkin tidak berlaku. Saya tidak menafikan.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Profesor, saya hendak *clear* kan sedikit. Saya tidak berapa hendak *clear* ini. Okey, saya terima *your statement that you are not nuclear expert. I accept that. You are health expert. Now, the nuclear expert, almost all including those who are attended this public inquiry confirmed that the worst case scenario including all the pathways that you said, nine but in fact banyak lagi, the worst case scenario would be 0.002 millisievert per year. Now, we take that as the correct conclusion. The worst scenario, ada letupan kah, ada banjir kah ada apa-apa pun, the worst case scenario in Lynas is 0.002 millisievert per year.*

Now, based on that, as a health expert, do you think there is risks, have risks? Based on that. You are not a nuclear expert, so I accept that. Now, this is conclusion by nuclear expert even by Lynas punya consultant. The worst case scenario is 0.002 millisievert, we take that as a benchmark. As a health expert, based on that benchmark 0.002 millisievert, is there a risk of cancer?

Profesor Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Saya tidak hendak jawablah soalan itu sebab...

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Because?*

■1140

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Saya kena tengok dulu apakah penilaian nuklear itu dihasilkan.

Dato' Zulkifli bin Noordin: *I'm asking you assuming. Assuming. Okey, kita go on assuming because you punya argument pun banyak assumption. Banyak teori. Now, what is the risk if we take the benchmark as 0.002 millisievert? If we take that. I'm not saying that you agree with 0.002 millisievert. I know because the outside world will listen to you. Now, okey. Kita ambil dia punya at 0.002 millisievert assumption. What is your opinion?*

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Dia lebih rendahlah daripada nilai yang kita tetapkan untuk...

Dato' Zulkifli bin Noordin: Adakah akan berlaku *exposure to cancer at 0.002 millisievert* ini?

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: *Probability* dia tetap ada. Berdasarkan...

Dato' Zulkifli bin Noordin: Berapa serius itu kalau at 0.002 *millisievert* itu?

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Kita kena kiralah.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Berapa?

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Saya tidak tahu.

Dato' Zulkifli bin Noordin: *You are the expert. What is your review?*

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: *We have to calculate thatlah.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *You mean to say as health expert, you are saying at 0.002 millisievert pun masih ada risk of cancer. Is that what you are saying?*

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Tidak ada. Kalau berdasarkan kepada *Linen non...*, *concept* tadi, kalau ada...

Dato' Zulkifli bin Noordin: *You are saying thatlah. You are saying at even at 0.002 millisievert.*

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Contohnya macam..., akan tetapi mungkin rendahlah. Risikonya rendahlah. Contohnya kalau tidak salah sayalah. Kalau tidak salah saya, *X-ray, XX-ray is 0.1 millisievert.* Bukan?

Dato' Zulkifli bin Noordin: *X-ray is gama.*

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Ya lah.

Dato' Zulkifli bin Noordin: *X-ray is gama, Prof.*

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: *Millisievert, millisievert*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *So, my question is very simple. At 0.002 millisievert, you are stating that there is a risk of cancer.*

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Risiko ada. Risiko ada.

Dato' Zulkifli bin Noordin: *That means sitting in this room is the risk.*

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Ya, betul-betul.

Dato' Zulkifli bin Noordin: *You agree?*

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Betul-betul. Saya setuju. Contohnya...

Dato' Zulkifli bin Noordin: *You know what is the reading in this room.*

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Akan tetapi Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ini melibatkan radioaktif sahaja, Yang Berhormat. Kita belum melihat dari segi yang metal itu.

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Radioactive of Alfa particle. I'm asking you again, Professor, at 0.002 millisievert per year, you still...*

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Senang saya kata, saya tidak tahulah.

Dato' Zulkifli bin Noordin: *You tidak tahulah sebenarnya. You tidak tahu, bukan?*

Tuan Pengerusi: Ada apa-apa daripada agensi? Kalau tidak ada apa-apa, saya ucapkan terima kasih. Terima kasih, Profesor.

Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim: Terima kasih banyak, ya.

[Prof. Dr. Jamal Hisham bin Hashim meninggalkan bilik Mesyuarat]

11.44 pg.

Tuan Pengerusi: *Okay, before we move on to our next agenda.* Saya hanya hendak tanya ini daripada agensi mengenai pandangan untuk *Health Impact Assessment* ini. Macam mana yang dicadangkan itu? *What are your views? Is it necessary or not?* Dia kata tidak ada *Health Impact Assessment*.

Puan Halimah Hassan [Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar]: Tuan Pengerusi, memang Profesor Jamal *explain the process Health Impact Assessment* in EIA. *Now, Health Impact Assessment* dalam *detail* EIA, terperinci memang ada. Akan tetapi bagi LYNAS, dia melalui *preliminary*.

Tuan Pengerusi: Masa itu tidak ada di...

Puan Halimah Hassan: Tidak ada di EIA dan tidak perlu. *Even that*, dalam EIA itu pun, bila kita kata walaupun tidak dijalankan *Health Impact Assessment* (HIA) secara terperinci, tetapi impak kesihatan awam dibincangkan secara tidak langsung dalam kajian EIA dan melalui kriteria-kriteria paras *ambient, recommendation level* dan standard-standard, kita berpuas hati tanpa radioaktif ini. Selain daripada radioaktif, impak kesihatannya *acceptable*. Tidak kata ada *Health Impact Assessment*.

Jadi *that's why* kita luluskan. Akan tetapi HIA itu memang tidak *required at that time to do*. Akan tetapi kalau hendak buat sekarang, kalau dia kata hendak buat *just to show, it can be done with the existing RIA* yang *living*. Masih lagi buat. Akan tetapi kalau dia hendak masukkan sebagai..., kalau profesor kata, "Kenapa hendak buat *Detail EIA?*", *that one we – our position is clear because this is* melepasi peringkat EIA. So kajian-kajian kemudiannya boleh dilaksanakan. Akan tetapi *base on that*, kajian EIA yang ada dulu, *preliminary EIA* memang *we get from the finding that health is not required*.

Tuan Pengerusi: *It serve any purpose* kalau dia minta *at least stage* untuk – memang *can be done but that it is relevant in this stage? That's it serve any purpose* kalau hendak buat *Health Impact Assessment, that's it serve any purpose?*

Puan Halimah Hassan: *It is academiclah for us. Academiclah.* Dia kata hendak *show public.* Akan tetapi kalau macam *during as a living document,* kita *monitor during operation and all that, canlah.*

Tuan Pengerusi: Dia disamakan dengan *the radiology impact. As a living document.* Macam mana itu, Dato'?

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan [Ketua Pengarah Lembaga Perlesenan Tenaga Atom]: Tuan Pengerusi, *unlike the EIA, we do not specify the Health Impact Assessment section in the Radiological Impact Assessment.* Akan tetapi di dalam *Radiological Impact Assessment, we cover all the path waste of exposure to a person.* Akan tetapi yang lebih penting lagi ialah kita *limit it to below one millisievert.* Maknanya *we are quite confident that below one millisievert – if you can bring it down to one millisievert per year* untuk *the public, there will be no Health Impact Assessment yang significant. I agree with him that there always will be discussion about this linear threshold and there is still an impact.*

Akan tetapi *in our radiological impact assessment, we do ask the 0.002 millisievert what is the probability of a cancer occurring and it sure of that one in ten million. Now, you have to take this in perspective.* Kita pula suruh Lynas untuk mengadakan a *smock shot of the cancer prevalence in that area. It is* lebih kurang 300 orang per 10,000. Sejumlah 300 orang per 10,000. Lebih kurang macam itulah. *Now, at 0.002 millisievert, we are talking about one in ten million, is this significant? You got to look at it. So, on hand* kita tengok *what is the kebarangkalian.* Keduanya, kita *do a baseline of the prevalence of cancer. And then from then on* kita tengok *whether is has. So it is like a Health Impact Assessment but it is not worth it specifically as Health Impact Assessment.*

